

26 MAR 1997

Kabinet-Singapura

MALAYSIA BEKUKAN URUSAN DUA HALA BARU DENGAN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Malaysia telah memutuskan untuk membekukan semua urusan dua hala yang baru dengan Singapura berikutan perkembangan terkini berhubung kenyataan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew baru-baru ini yang menghina Johor.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat mingguan Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Seorang menteri yang tidak mahu namanya disiarkan, berkata bahawa Kabinet telah memutuskan untuk mendinginkan hubungan buat seketika daripada segi rundingan dua hala "atau apa sahaja yang berkaitan dengan Singapura."

Sebarang rundingan dua hala yang sedia ada juga akan ditangguhkan buat masa ini.

Seorang lagi menteri berkata hubungan kerajaan dengan kerajaan, pertemuan antara parti-parti politik yang memerintah dan pemberian kontrak kepada syarikat Singapura juga akan terlibat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang melakukan lawatan rasmi empat hari ke Jepun. Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sedang mengiringi beliau.

Menteri yang sama berkata keputusan Kabinet itu didorong oleh ulasan atau reaksi dari seberang Tambak, khususnya oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Menteri Luar S.Jayakumar, selepas kerajaan Malaysia mengumumkan yang ia menerima permohonan maaf Lee kerana menyatakan Johor terkenal dengan kejadian tembak-menembak, samun dan rampas kereta.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata Malaysia tidak mahu terlalu ghairah menjalin kerjasama atau persahabatan dengan Singapura seperti sebelum ini kerana republik itu sendiri tidak menunjukkan minat untuk berbuat demikian.

Katanya, Singapura jangan menganggap mudah menyelesaikan perkara itu dengan hanya sekadar Lee meminta maaf kerana kekecewaan Malaysia masih dirasai.

"Kalau seseorang itu dah ada perasaan benci kepada yang lain dan kalau dah lekat pada fikirannya dan terlalu semat dalam hati kita susah nak hapuskannya ... perasaan dah terbuku dan tidak mudah nak melupakannya walaupun awak boleh minta maaf banyak kali," katanya ketika ditemui malam ini.

"Tak mudah bagi Singapura kata baiklah dan berbaik semula...siapa yang nak baik semula...tak mudah nak dipulihkan. Hari ini kita fikir adalah baik kita perlahankan sedikit," kata Mohamed.

Mohamed berkata ulasan daripada Goh dan Jayakumar menunjukkan seolah-olah mereka "tidak serius dan sebaliknya memperkecil-kecilkan kita".

Abdullah telah mengumumkan selepas mesyuarat Kabinet pada Rabu lepas bahawa walaupun kerajaan menerima permintaan maaf yang dibuat oleh Lee, pemulihan semula hubungan kepada tahap perhubungan yang dahulu akan mengambil masa.

Perbadanan Radio Singapura melaporkan pada hari yang sama bahawa Jayakumar melahirkan rasa terkejutnya terhadap kenyataan kerajaan Malaysia itu kerana kenyataan Lee mengenai Johor dibuat oleh Lee secara peribadi dalam tindakannya terhadap seorang pemimpin pembangkang Singapura, Tang Liang Hong.

Jayakumar berkata Lee telah menyaman Tang atas sifat peribadinya untuk mempertahankan reputasinya dan menggunakan hak peribadinya.

Kenyataan Lee mengenai Johor terkandung dalam affidavit saman terhadap

Tang oleh beliau dan anaknya, Hsien Loong, Timbalan Perdana Menteri Singapura.

Selepas menyatakan permohonan maafnya melalui setiausaha akhbarnya, Lee kemudian mengeluarkan kenyataannya sendiri dan mengulangi permohonan maaf itu dan menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan peguamnya supaya memansuhkan kenyataan berkenaan daripada affidavit itu.

Semalam, Goh dilaporkan oleh Perbadanan Radio Singapura sebagai berkata bahawa hubungan antara Malaysia dan Singapura seharusnya terus bergerak ke arah landasan yang lebih kukuh berikutan keputusan Kabinet Malaysia untuk menerima permohonan maaf Lee.

Goh berkata perbezaan pendapat antara kedua-dua negara sebahagiannya disebabkan laporan akhbar yang tidak tepat dan menambah kata bahawa ketidak-tepatan laporan itu boleh diperbetulkan.

Beliau juga berkata walaupun Singapura akan mengambil langkah bagi memulihkan hubungan, tempoh yang diperlukan sebahagian besarnya akan ditentukan oleh Malaysia.

Goh malah memetik peribahasa Melayu "air dicincang tidak akan putus" walaupun dicincang dengan pisau untuk menggambarkan hubungan antara Malaysia dan Singapura memandangkan kepentingan kedua-duanya saling kait-mengait.

Goh juga berkata beliau percaya lebih banyak laluan akan diwujudkan antara Johor dengan Singapura dan republik itu juga berminat kepada rancangan Malaysia untuk membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor jika ia dikemukakan kepada kerajaan Singapura secara rasmi. -- BERNAMA

TM RM NMO